



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.gaexcellence.com/ijmoe



MEMPERKASA PENDIDIKAN ISLAM MELALUI PENDEKATAN FIQHORIA SEBAGAI PEMBELAJARAN DIGITAL INTERAKTIF BERPUSATKAN PELAJAR

*(EMPOWERING ISLAMIC EDUCATION THROUGH THE FIQHORIA
APPROACH AS STUDENT-CENTERED INTERACTIVE DIGITAL
LEARNING)*

Nur Ainul Mardhiah Omar^{1*}, W Omar Ali Saifuddin Wan Ismail², Nurin Adriana Zarie Akmal³, Nur Balqis Damia Naziri⁴, Nurul 'Izzah Abdul Aziz⁵, Nur Alleya Dayana Abdullah⁶, Hani Infatih Abd Halim⁷

¹ Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 ainulomar81@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0004-8616-1119>

² Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 woasaifuddin@unisza.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0002-8605-6448>

³ Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 nurinadrianaakmal@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0001-3932-0875>

⁴ Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 balqisdamianaziri@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0000-2938-0236>

⁵ Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 izzahaziz1611@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0004-0865-5017>

⁶ Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 alleyadayana0406@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0002-2510-3738>

⁷ Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia

 haniinfatihabdhalim@gmail.com

 <https://orcid.org/0009-0005-5502-9825>

Article Info:

Article history:

Received date: 15.01.2026
Revised date: 28.01.2026
Accepted date: 22.02.2026
Published date: 04.03.2026

To cite this document:

Omar, N. A. M., Wan Ismail, W. A. O. S., Akmal, N. A. Z., Naziri, N. B. D., Abdul Aziz, N. I., Abdullah, N. A. D., & Abd Halim, H. I. (2026). Memperkasa Pendidikan Islam Melalui Pendekatan Fiqhoria Sebagai Pembelajaran Digital Interaktif Berpusatkan Pelajar. *International Journal of Modern Education*, 8(29), 493-510.

DOI: 10.35631/IJMOE.829030

Abstrak:

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan Laman Web Fiqhoria sebagai platform pembelajaran digital interaktif yang dibangunkan dalam memperkukuh penguasaan Fiqah dan menyokong pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL) dalam Pendidikan Islam. Latar belakang kajian menekankan kepentingan penggunaan teknologi digital dalam memodenkan proses PdP dan meningkatkan motivasi serta penglibatan pelajar. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen satu kumpulan melalui pra-ujian dan pasca-ujian yang melibatkan 120 pelajar di sekitar daerah Kuala Terengganu dan Kajang. Kajian ini turut disokong oleh soal selidik terhadap 176 responden terdiri daripada pelajar, guru dan ibu bapa. Fiqhoria dibangunkan berasaskan model ADDIE dengan pengintegrasian modul visual, nota interaktif dan kuiz gamifikasi bagi memperkukuhkan pedagogi digital dan merangsang pembelajaran sendiri. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan ketara skor min daripada 13.75 kepada 16.57 serta penghapusan sepenuhnya julat skor rendah dalam ujian pasca, menandakan peningkatan signifikan dalam penguasaan konsep Fiqah. Persepsi pengguna turut memperlihatkan penerimaan yang sangat positif terhadap platform ini. Persepsi pengguna turut memperlihatkan penerimaan sangat positif terhadap platform ini, khususnya dalam menyokong pembelajaran sendiri dan pembelajaran di rumah. Secara keseluruhan, kajian ini mengesahkan bahawa platform ini berupaya menjadi medium pembelajaran digital yang berimpak tinggi melalui penyediaan pengalaman pembelajaran yang interaktif, moden dan selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Dasar Pendidikan Digital.

Kata Kunci:

Fiqah, Laman Web Fiqhoria, Pembelajaran Berpusatkan Pelajar, Pembelajaran Digital, Pendidikan Islam

Abstract:

This study aims to evaluate the effectiveness of the Fiqhoria Website as an interactive digital learning platform developed to strengthen the mastery of Fiqah and support the student-centered learning (SCL) approach in Islamic Education. The background of the study emphasizes the importance of using digital technology in modernizing the PdP process and increasing student motivation and engagement. This study uses a quasi-experimental design of one group through pre-test and post-test involving 120 students around the Kuala Terengganu and Kajang districts. This study is also supported by a questionnaire to 176 respondents consisting of students, teachers and parents. Fiqhoria is developed based on the ADDIE model with the integration of visual modules, interactive notes and gamification quizzes to strengthen digital pedagogy and stimulate self-learning. The study findings show a significant increase in the mean score from 13.75 to 16.57 and the complete elimination of the low score range in the post-test, indicating a significant increase in the mastery of Fiqah concepts. User perceptions also show a very positive acceptance of this platform. User perceptions also show a very positive acceptance of this platform, especially in supporting self-learning and learning at home. Overall, this study confirms that this platform is capable of becoming a high-impact digital learning medium by providing interactive, modern learning experiences

that are in line with the aspirations of the Malaysian Ministry of Education in the Digital Education Policy.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcellence.com

Keyword:

Digital Learning, Fiqh, Fiqhoria Website, Islamic Education, Student-Centred Learning

Pengenalan

Perkembangan teknologi digital dalam pendidikan masa kini telah mengubah kaedah proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Dalam konteks Pendidikan Islam, penggunaan sistem digital yang merangkumi sesi pembelajaran, modul interaktif, kuiz dalam talian dan video interaktif semakin meningkat kerana ia boleh menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan, mudah dan sendiri (Faizahton et al., 2023). Pada masa yang sama, pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL) telah menjadi keperluan penting dalam kurikulum abad ke-21. Pembelajaran digital berpotensi dalam menyokong keupayaan SCL kerana dapat memberi ruang kepada pelajar untuk belajar, bekerjasama dan menggunakan pembelajaran secara aktif (Ismul Huda, 2016). Dalam konteks ini, dasar pendidikan digital Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menekankan keperluan penguasaan kemahiran dan penggunaan teknologi yang signifikan di dalam bilik darjah bagi mengembangkan penglibatan serta pengetahuan pelajar.

Dalam usaha ini, penggunaan Laman Web *Fiqhoria* sebagai platform pembelajaran digital interaktif yang berpusatkan pelajar dapat dilihat sebagai pendekatan inovatif dan relevan terhadap keperluan terkini. *Fiqhoria* direka bentuk untuk mengaplikasikan kaedah SCL. Platform ini menggabungkan modul digital interaktif, nota visual, video animasi dan kuiz berasaskan gamifikasi. Reka bentuk ini bertujuan meningkatkan minat pelajar terhadap bidang Fiqah. Tambahan pula, *Fiqhoria* juga dapat membantu mereka mengaitkan pengalaman kehidupan seharian. Kaedah ini selaras dengan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa penggunaan pembelajaran interaktif dalam Pendidikan Islam telah berjaya meningkatkan minat dan motivasi pelajar ke arah pembelajaran (Zur'ain Zaini & Khadijah Abdul Razak, 2022). Selain itu, tinjauan sistematik tentang gamifikasi dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam mendapati bahawa gamifikasi dalam pembelajaran mewujudkan keseronokan, menggalakkan penglibatan yang aktif dan dapat meningkatkan kepuasan pelajar (Kitikedizah Hambali & Maimun Aqsha Lubis, 2022). Oleh itu, penemuan ini menyokong keperluan untuk menggabungkan elemen permainan digital dan interaktif dalam struktur pembelajaran inovatif seperti *Fiqhoria*.

Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa pembelajaran digital khususnya dalam bidang Fiqah masih belum digunakan sepenuhnya. PdP masa kini kebanyakan masih bersifat konvensional di mana ia bergantung sepenuhnya kepada penyampaian guru dan buku teks. Subjek Pendidikan Islam masih ketinggalan jauh dalam penggunaan digital berbanding bidang yang lain. Lebih 60% guru masih memfokuskan penyampaian secara kuliah konvensional dan buku teks semata-mata untuk mengajar bidang Fiqah. Namun begitu, penggunaan teknologi digital masih berada pada tahap minimum (Suhaida Mohd Sukis et al., 2023). Isu ini bercanggah dengan keperluan Pendidikan Abad Ke-21 (PAK-21) yang menekankan

pendekatan SCL. Pelajar diberi peluang untuk meneroka, bekerjasama dan mengambil bahagian secara aktif dalam proses pembelajaran Pendidikan Islam terutamanya bidang Fiqah. Masalah-masalah kajian yang dapat dikesan adalah keterbelakangan penggunaan bahan digital interaktif berkualiti, PdP masih bersifat *teacher-centred* serta tahap penglibatan dan literasi digital pelajar yang belum cukup tinggi untuk membantu pembelajaran sendiri. Selain itu, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa ibu bapa memerlukan pendekatan pembelajaran agama yang lebih fleksibel, mudah diakses dan mampu menyokong pembelajaran di rumah tanpa bergantung sepenuhnya kepada guru atau kelas tambahan (Norhayati et al., 2024). Hal ini perlu dipertimbangkan bagi menangani isu jurang kemahiran digital yang wujud. Ia bertujuan untuk mengoptimumkan penglibatan pelajar secara aktif serta memperkukuh literasi digital spiritual dalam kalangan pelajar (Mohd Hatta Md Hani et al., 2025).

Bagi merealisasikan aspirasi dasar pendidikan digital dan tuntutan KPM, kajian ini bertujuan untuk: i) mengkaji konsep pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL) dan perkaitannya dengan penggunaan digital dalam subjek Pendidikan Islam; ii) menganalisis penggunaan pembelajaran digital dan tahap integrasinya dalam pengajaran Pendidikan Islam; dan iii) menilai potensi *Fiqhoria* dalam memperkasa penglibatan ibu bapa untuk meningkatkan keyakinan dan penguasaan Fiqah pelajar. Hasilnya, *Fiqhoria* merupakan platform pembelajaran digital interaktif yang berpotensi meningkatkan motivasi dan pengetahuan pelajar secara sistematik. Jika diterapkan dalam PdP, kemungkinan besar pelajar akan lebih bersemangat meneroka ilmu dan mengaitkan hukum-hukum Fiqah dengan situasi kehidupan sebenar (Rohana Mohd Nawi et al., 2024). Oleh itu, kajian ini penting sebagai rujukan kepada guru dan pihak sekolah dalam mengintegrasikan pembelajaran digital interaktif, khususnya melalui *Fiqhoria* supaya dapat meningkatkan penguasaan Fiqah pelajar.

Sorotan Literatur

Dalam konteks Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah khususnya bidang Fiqah, pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL) semakin dilihat sebagai keperluan untuk membina kefahaman mendalam dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan pelajar. Integrasi teknologi digital melalui multimedia, *Learning Management System* (LMS) dan aplikasi interaktif pula memudahkan guru merancang aktiviti kolaboratif, perbincangan, kuiz dalam talian dan tugas reflektif yang boleh dijalankan secara bersemuka, dalam talian ataupun secara hibrid. Malah, Guru Pendidikan Islam (GPI) yang mengamalkan strategi pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL) dalam pengajaran Fiqah di sekolah menengah berjaya menjadikan proses pengajaran lebih berkesan dan selari dengan kehendak Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) (Amirul Amin, 2024). Hal ini menjadikan kajian terhadap keberkesanan pendekatan digital berasaskan pelajar (SCL) dalam PdP Fiqah semakin penting untuk memastikan proses pembelajaran lebih relevan, interaktif dan berimpak positif terhadap pelajar.

Seterusnya, penggunaan media digital seperti video, *e-book*, aplikasi mudah alih dan sistem interaktif semakin ketara dalam proses PdP subjek Pendidikan Islam. Platform digital ini dilaporkan berpotensi meningkatkan kejayaan dan motivasi pelajar sekali gus menjadikan proses pembelajaran lebih interaktif. Sokongan terhadap trend pembelajaran ini diperkukuh oleh kajian literatur sistematik mengenai trend Pendidikan Islam dari tahun 2020 hingga 2024, yang menekankan keperluan untuk mengintegrasikan peralatan digital yang direka khusus dalam bidang Pendidikan Islam (Norliza Ab Halim et al., 2025). Mereka turut menekankan kerangka Pedagogi Kandungan Teknologi Islam (TPIC), di mana kejayaan pembelajaran

digital Islam amat bergantung kepada pendidikan guru, pembangunan kandungan yang sesuai dengan budaya dan infrastruktur teknologi yang stabil. Implikasinya, pembelajaran digital mempunyai keupayaan yang besar untuk meningkatkan kualiti bidang Fiqah dalam Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, kejayaan integrasi ini memerlukan sokongan padu dari segi kurikulum yang relevan, pendidikan guru yang komprehensif dan penilaian kandungan yang telus.

Penglibatan ibu bapa menjadi salah satu faktor kritikal yang mempengaruhi kejayaan dan perkembangan holistik pelajar. Terdapat kajian yang menegaskan bahawa sokongan sosial daripada ibu bapa seperti sokongan emosi, galakan dan bimbingan amat penting dalam meningkatkan keyakinan diri dan harga diri (*self-esteem*) pelajar di mana kedua-dua aspek ini adalah pemangkin kepada pencapaian akademik yang lebih baik (Yang et al., 2023). Oleh itu, peranan ibu bapa sebagai agen sokongan dan pemudah cara di rumah adalah sangat penting dalam konteks pembelajaran digital Fiqah. Justeru, kajian ini bertujuan menilai potensi *Fiqhoria* sebagai platform digital untuk memperkasa keterlibatan ibu bapa, seterusnya meningkatkan keyakinan dan penguasaan Fiqah pelajar.

Metodologi Kajian

Pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk kuasi-eksperimen satu kumpulan atau dikenali (*one-group pretest-posttest design*) serta kaedah tinjauan untuk menilai kebolehgunaan dan keberkesanan Laman Web *Fiqhoria* sebagai platform pembelajaran digital interaktif dalam Pendidikan Islam. Pembangunan *Fiqhoria* berpandukan Model ADDIE yang meliputi fasa *analysis, design, development, implementation* dan *evaluation* dengan penekanan kepada penyusunan semula kandungan Fiqah Tingkatan Satu dalam bentuk visual, nota interaktif, kuiz dan elemen digital berpusatkan pelajar (Branch, 2009). Penilaian pengguna melibatkan 296 yang terdiri daripada 30 pelajar dari setiap sekolah iaitu SMK Ibrahim Fikri, SMK Kompleks Gong Badak, SMK Bukit Tunggul dan SMA Persekutuan Kajang yang dipilih melalui persampelan bertujuan. Pautan *Fiqhoria* turut diedarkan secara talian kepada pelajar, guru dan ibu bapa bagi mendapatkan maklum balas tambahan melalui *Google Form*. Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik Skala Likert tiga mata, iaitu 1 = Sangat Setuju (SS), 2 = Setuju (S) dan 3 = Tidak Setuju (TS) bagi menilai persepsi terhadap kebolehgunaan, kefahaman dan motivasi manakala pra-ujian dan pasca-ujian digunakan untuk mengukur perubahan pencapaian pelajar sebelum dan selepas penggunaan *Fiqhoria*. Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti min, sisihan piawai dan peratusan serta ujian-t sampel berpasangan bagi membandingkan skor pra dan pasca ujian (Pallant, 2020).

Keperluan fungsional dan bukan fungsional dikenal pasti melalui analisis keperluan pengguna, seterusnya dijadikan asas kepada pembinaan seni bina sistem Laman Web *Fiqhoria* menggunakan rangka kerja *CodeIgniter4* berasaskan *Model View Controller* (MVC) (Gomaa, 2011). Pangkalan data dibangunkan menggunakan *Structured Query Language* (SQL) bagi memastikan integriti, konsistensi dan kecekapan pengurusan maklumat. Reka bentuk antaramuka pengguna dibangunkan secara responsif melalui penggunaan *HyperText Markup Language* (HTML), *Cascading Style Sheets* (CSS) dan *Bootstrap* dengan mempertimbangkan prinsip kebolehgunaan serta pengalaman pengguna bagi memastikan penyampaian maklumat yang jelas dan sistematik (Garrett, 2011). Fasa pembangunan melibatkan pelaksanaan logik pelayan melalui bahasa (PHP) serta penerapan ciri keselamatan asas seperti ketepatan input dan perlindungan *Cross Site Request Forgery* untuk menjamin ketahanan sistem. Akhir sekali,

pelaksanaan ujian fungsi, integrasi, kebolegunaan dan ujian penerimaan pengguna dijalankan secara menyeluruh bagi memastikan keselarasan operasi serta kestabilan platform.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Bahagian ini membentangkan dapatan kuantitatif daripada ujian pra–ujian dan pasca–ujian serta dapatan soal selidik yang melibatkan tiga kumpulan responden iaitu pelajar, guru dan ibu bapa. Huraian dapatan disusun mengikut keutamaan kajian, diikuti dengan analisis deskriptif dan perbincangan terhadap faktor yang menjelaskan perubahan, sokongan teori dan hubungan dengan kajian-kajian terdahulu.

Dapatan Ujian Pra-Ujian dan Pasca-Ujian

Ujian pra dan pasca dijalankan untuk menilai keberkesanan Laman Web *Fiqhoria* yang meningkatkan penguasaan konsep Fiqah dalam kalangan pelajar tingkatan satu. Intervensi pembelajaran merangkumi penggunaan bahan digital seperti infografik, nota ringkas, kuiz interaktif dan penerangan multimedia yang dibangunkan mengikut model reka bentuk instruksional ADDIE. Dapatan berdasarkan analisis yang melibatkan 120 responden yang diringkaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Perbandingan Taburan Skor Pra–Ujian dan Pasca–Ujian Pelajar (N = 120)

Julat Skor	Pra-Ujian	Pasca-Ujian
4 - 5	14	0
9 - 10	11	0
12 - 13	23	0
14 - 15	20	31
16 - 17	35	61
18 - 20	17	28
Min Purata	13.75	16.57

Sumber: Soal Selidik 2025

Dapatan kajian menunjukkan peningkatan pencapaian yang ketara selepas pelajar mengikuti intervensi menggunakan Laman Web *Fiqhoria*. Nilai min pra-ujian sebanyak 13.75 meningkat kepada 16.57 dalam ujian pasca menunjukkan peningkatan yang jelas dalam prestasi akademik. Lebih menarik lagi, keseluruhan julat skor rendah (4–10) yang sebelum ini menunjukkan kelemahan asas dalam menguasai konsep Fiqah telah hilang sepenuhnya dalam ujian pasca. Pada masa yang sama, bilangan pelajar yang mencapai skor tinggi (16–20) meningkat dengan ketara dapat mencerminkan perubahan dalam taburan pencapaian dari tahap rendah kepada tahap tinggi yang konsisten. Perubahan corak ini memberikan gambaran empirikal bahawa intervensi melalui *Fiqhoria* menghasilkan kesan pembelajaran yang efektif dan komprehensif.

Peningkatan ini secara khusus menunjukkan keberkesanan *Fiqhoria* sebagai platform pembelajaran digital yang mampu mengukuhkan pemahaman konsep Fiqah termasuk kemahiran kognitif asas, pemikiran analitikal dan keupayaan untuk mengaplikasikan hukum dalam kehidupan. Topik Pendidikan Islam yang kebiasaannya memerlukan penjelasan yang terperinci menjadi lebih mudah difahami apabila dibentangkan melalui elemen multimedia seperti ikon, infografik, animasi dan kuiz interaktif (Faizahton et al., 2023). Hal ini dibuktikan dalam kajian bahawa persembahan multimedia turut mempengaruhi pencapaian akademik pelajar (Said et al., 2015). Ini kerana anjakan penggunaan Alat Bahan Bantu Mengajar (AABM) yang dibina berasaskan perisian multimedia telah memberi peluang kepada pelajar untuk bebas mengawal pembelajaran dengan lebih baik melalui pengalaman pembelajaran secara kumpulan, interaktif atau sendiri (Nurul Syadiah & Ramlah, 2020).

Menurut teori beban kognitif, pelajar dapat belajar dengan lebih baik apabila ingatan kerja mereka tidak dibebankan. Dengan adanya Laman Web *Fiqhoria* membantu mengurangkan beban ini dengan memecahkan maklumat kepada bahagian kecil dan mudah difahami sekali gus membolehkan pelajar memberi tumpuan kepada pembinaan pengetahuan baharu. Penstrukturan *Fiqhoria* berpandukan teori ini amat memainkan peranan utama dalam menentukan bagaimana keberkesanan strategi pembelajaran yang digunakan (Yusniza et al., 2016). Dapatan ini secara tidak langsung dapat memperlihatkan keperluan untuk memperkasa penggunaan platform digital dalam pendidikan yang menghasilkan impak positif terhadap kefahaman, aksesibiliti dan keberkesanan pembelajaran. Peningkatan skor yang ketara selepas intervensi juga mengesahkan keselarasan *Fiqhoria* dengan aspirasi Dasar Pendidikan Digital KPM 2027, yang menekankan pendigitalan bahan pembelajaran, penyediaan akses pembelajaran sendiri dan pengurangan kebergantungan pada bahan bercetak. Platform ini menyediakan ekosistem pembelajaran yang fleksibel dan mudah diakses sekali gus menyokong transformasi pendidikan Islam ke arah model pembelajaran digital yang lebih moden, inklusif dan mampan.

Dapatan Borang Soal Selidik

Dapatan demografi menunjukkan responden kajian terdiri daripada 176 orang responden daripada tiga kategori utama iaitu pelajar, guru dan ibu bapa. Majoriti responden ialah perempuan dan kumpulan pelajar paling dominan memberikan maklum balas terhadap soal selidik. Keseluruhan soal selidik ini menggambarkan bahawa kajian melibatkan responden pelbagai latar yang relevan dengan penggunaan *Fiqhoria*.

Demografi Responden

Jadual 2: Status atau Kategori

Bil	Status/Kategori	Bilangan	Peratus (%)
1	Pelajar	106	60.2
2	Guru	18	10.2
3	Ibu Bapa	52	29.5
	Jumlah	176	100

Sumber: Soal Selidik 2025

Kajian ini melibatkan seramai 176 orang responden, yang terdiri daripada 132 orang responden perempuan atau bersamaan 75% daripada keseluruhan sampel kajian manakala baki 44 orang responden lagi ialah lelaki, iaitu sebanyak 25%. Perincian demografi responden berdasarkan status atau kategori penglibatan dalam soal selidik ditunjukkan dalam Jadual 2 bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang komposisi sampel kajian. Daripada keseluruhan responden yang terlibat, seramai 106 orang atau 60.2% merupakan pelajar, diikuti oleh 52 orang atau 29.5% yang terdiri daripada ibu bapa manakala 18 orang responden atau 10.2% adalah dalam kalangan guru. Taburan demografi ini menunjukkan bahawa majoriti responden ialah pelajar selaras dengan objektif kajian yang memfokuskan penilaian terhadap penggunaan dan keberkesanan *Fiqhoria* dalam konteks pembelajaran Pendidikan Islam. Penglibatan ibu bapa dan guru pula melengkapkan dapatan kajian dengan menyediakan sudut pandang sokongan daripada pihak berkepentingan utama sekali gus menyumbang kepada pemahaman yang lebih menyeluruh dan seimbang terhadap penerimaan serta kebolegunaan platform digital yang dibangunkan.

Dapatan Pelajar

Jadual 3: Persepsi Pelajar Terhadap Laman Web *Fiqhoria*

Bil	Pernyataan	(1=SS)	(2=S)	(3=TS)
1	Saya lebih berminat belajar Fiqah melalui <i>Fiqhoria</i>	(81.1%)	(18.9%)	0
2	Kandungan menarik perhatian saya	(71.7%)	(28.3%)	0
3	Saya lebih fokus semasa menggunakan <i>Fiqhoria</i>	(54.7%)	(45.3%)	0
4	Saya faham Fiqah dengan lebih baik	(83.0%)	(17.0%)	0

Sumber: Soal Selidik 2025

Jadual 3 menunjukkan tahap persetujuan yang sangat tinggi untuk semua item yang dibentangkan kepada pelajar. Antara item yang paling dominan ialah peningkatan pemahaman pelajar tentang Fiqah selepas menggunakan *Fiqhoria* 83% sangat setuju. Di samping itu, 81.1% pelajar menyatakan bahawa platform ini meningkatkan minat mereka dalam mempelajari Fiqah. Ketiadaan respons "Tidak Setuju" untuk empat item menunjukkan penerimaan yang sangat baik terhadap keberkesanan reka bentuk interaktif platform. Sebahagian besar pelajar turut setuju bahawa *Fiqhoria* dapat menarik perhatian serta membantu fokus semasa pembelajaran dengan anggaran melebihi 50%-70% berada pada tahap setuju dan sangat setuju.

Dapatan pelajar ini menunjukkan bahawa penggunaan *Fiqhoria* selari dengan prinsip *constructive alignment* iaitu apabila objektif pembelajaran, penyampaian digital dan pentaksiran disepadukan untuk menghasilkan pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna (Yiqing Mao, 2023). Integrasi bahan visual, elemen interaktif dan reka bentuk laman web yang mesra pengguna bukan sahaja berjaya mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan malah turut memperkasa penggunaan teknologi digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam secara lebih sistematik dan bermakna. Pendekatan ini secara tidak langsung membantu mengatasi dominasi kaedah hafalan semata-mata dengan menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih autentik dan berpusatkan pembinaan pengetahuan pelajar. Hal ini disokong oleh dapatan tinjauan sistematik berkaitan gamifikasi dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam yang menunjukkan bahawa penerapan elemen

gamifikasi dalam pembelajaran mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang menyenangkan, menggalakkan penglibatan aktif pelajar serta meningkatkan tahap kepuasan mereka terhadap proses pembelajaran (Kitikedizah Hambali & Maimun Aqsha Lubis, 2022).

Dari sudut isu semasa, pelajar masa kini lebih cenderung kepada penggunaan teknologi dan bahan visual yang menarik sekali gus menjadikan pendekatan digital sebagai alternatif yang lebih berkesan dalam meningkatkan minat terhadap mata pelajaran agama berbanding kaedah pengajaran tradisional yang bersifat sehalu (Fatin et al., 2021). Buku teks Pendidikan Islam yang tebal dan kurang elemen visual didapati turut menjejaskan motivasi pelajar selaras dengan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa aspek visual dan reka letak bahan pembelajaran memainkan peranan penting dalam mempengaruhi minat serta keterlibatan pelajar (Yi Yi Lau et al., 2020). Dalam konteks ini, pembangunan dan pelaksanaan *Fiqhoria* dilihat berupaya memenuhi aspirasi Dasar Pendidikan Digital KPM 2027, khususnya Teras T1 (Murid Fasih Digital) dan Teras T5 (Kandungan Digital Berkualiti), yang menekankan penggunaan teknologi interaktif, penyampaian kandungan yang jelas secara visual serta penyediaan platform pembelajaran digital yang mesra pengguna dan berimpak tinggi (KPM, 2023). Pelaksanaan pendekatan digital sedemikian juga bertujuan untuk mengoptimumkan penglibatan pelajar secara aktif serta memperkukuh literasi digital spiritual dalam kalangan pelajar selaras dengan keperluan pembentukan sahsiah dan kefahaman agama dalam persekitaran pembelajaran berasaskan teknologi (Mohd Hatta Md Hani et al., 2025).

Dapatan Guru

Jadual 4: Persepsi Guru Terhadap Laman Web *Fiqhoria*

Bil	Pernyataan	(1=SS)	(2=S)	(3=TS)
1	Kandungan <i>Fiqhoria</i> selari dengan KSSM	(88.9%)	(11.1%)	0
2	Ia menyokong pembelajaran sendiri pelajar	(100%)	0	0
3	Selari dengan Dasar Pendidikan Digital	(88.9%)	(11.1%)	0
4	Rekaan platform memenuhi keperluan abad ke- 21	(88.9%)	(11.1%)	0

Sumber: Soal Selidik 2025

Jadual 4 menunjukkan bahawa persepsi guru terhadap *Fiqhoria* adalah sangat positif. Hasil dapatan menggambarkan keyakinan yang utuh terhadap keberkesanan platform ini dalam PdPc Pendidikan Islam. Majoriti guru 88.9% mengesahkan bahawa kandungan *Fiqhoria* selari dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Persetujuan tinggi 100% terhadap keupayaan *Fiqhoria* menyokong pembelajaran sendiri menunjukkan potensi platform ini dalam memperkukuh pemikiran pelajar selaras dengan literasi digital abad ke-21. Dapatan soal selidik guru menunjukkan bahawa elemen multimedia dalam *Fiqhoria* meningkatkan kefahaman pelajar serta reka bentuk platform memenuhi keperluan PdP abad ke-21 mendapat persetujuan majoriti 88.9%.

Perbincangan dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan *Fiqhoria* menyokong pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL), di mana guru berperanan sebagai fasilitator yang membimbing, memantau dan menyediakan sokongan semasa pelajar meneroka kandungan secara sendiri. SCL ini juga memberi ruang kepada pelajar untuk belajar, bekerjasama dan

menggunakan pembelajaran secara aktif (Ismul Huda, 2016). Reka bentuk platform *Fiqhoria* membantu pelajar mengolah pengetahuan secara aktif selaras dengan asas teori konstruktivisme yang menekankan bahawa pembelajaran lebih berkesan apabila pelajar cuba menghubungkan pengalaman baharu dengan pengetahuan sedia ada (Fatin et al., 2021). Penggunaan grafik dan elemen visual bukan sahaja menarik perhatian pelajar malah memudahkan pemahaman konsep berbanding penerangan secara deskriptif semata-mata (Sharul et al., 2020). Dalam *Fiqhoria*, paparan visual dan video animasi serta latihan pengukuhan yang ditawarkan membantu menjadikan konsep abstrak lebih mudah dicapai dan meningkatkan keberkesanan PdP dan jika ia diterapkan dalam PdP kemungkinan besar pelajar akan lebih bersemangat meneroka ilmu dan mengaitkan hukum-hukum Fiqah dengan situasi kehidupan sebenar (Rohana Mohd Nawi et al., 2024). Tambahan pula, *Fiqhoria* dapat membantu mereka mengaitkan pengalaman dengan kehidupan seharian kerana penggunaan pembelajaran interaktif dalam Pendidikan Islam mampu meningkatkan minat dan motivasi pelajar ke arah pembelajaran (Zur'ain Zaini & Khadijah Abdul Razak, 2022).

Keberkesanan *Fiqhoria* dalam proses PdPc guru juga menggambarkan pelaksanaan yang berjaya berasaskan Model ADDIE sebagai satu model reka bentuk pengajaran yang sistematik dalam menghasilkan bahan pembelajaran berkomputer yang memberi impak dan mesra pengguna (Baharuddin et al., 2002). Penyediaan Laman Web *Fiqhoria* ini merangkumi lima fasa utama, iaitu *analysis*, *design*, *development*, *implementation* dan *evaluation* yang membolehkan platform ini berfungsi sebagai alat pembelajaran tambahan yang tersusun, terarah dan boleh dioptimumkan mengikut keperluan pengguna (Rafiza & Maryam, 2013). Justeru, *Fiqhoria* dapat dilihat sebagai hasil pendekatan pembangunan bahan pembelajaran yang berstruktur serta berpaksikan keperluan pengguna sekali gus menyokong transformasi pedagogi digital dalam Pendidikan Islam. Penekanan terhadap reka bentuk *Fiqhoria* berasaskan analisis keperluan pelajar dan pembangunan multimedia yang terancang ini bukan sahaja memperkukuh kedudukan *Fiqhoria* sebagai model PdP digital malah memastikan platform ini relevan dengan dinamika pendidikan abad ke-21.

Dapatan Ibu Bapa

Jadual 5: Persepsi Ibu Bapa Terhadap Laman Web *Fiqhoria*

Bil	Pernyataan	(1=SS)	(2=S)	(3=TS)
1	Kaedah ini sesuai untuk generasi anak	(92.3%)	(7.7%)	0
2	<i>Fiqhoria</i> meningkatkan keyakinan akademik anak	(84.6%)	(15.4%)	0
3	<i>Fiqhoria</i> memudahkan pembelajaran di rumah	(96.2%)	(3.9%)	0
4	Saya berpuas hati dengan platform ini	(92.3%)	(7.7%)	0

Sumber: Soal Selidik 2025

Jadual 5 menunjukkan persepsi ibu bapa terhadap *Fiqhoria* sangat positif dengan purata persetujuan keseluruhan melebihi 80% bagi semua item. 92.3% ibu bapa bersetuju bahawa kaedah ini sesuai untuk generasi anak mereka. Keyakinan akademik anak juga dilihat meningkat melalui persetujuan seramai 84.6%. *Fiqhoria* dapat memudahkan pembelajaran di rumah dengan anggaran melebihi 95% menjadikannya alat sokongan yang membantu ibu bapa memantau pembelajaran anak secara lebih sistematik. Selain itu, tahap kepuasan keseluruhan

ibu bapa terhadap platform ini turut mencatatkan persetujuan tinggi 92.3% yang membuktikan bahawa *Fiqhoria* berpotensi besar sebagai medium pembelajaran tambahan yang relevan dan efektif dalam menyokong pembelajaran formal dan sendiri.

Dapatan daripada kumpulan ibu bapa menunjukkan tahap penerimaan dan keyakinan yang sangat tinggi terhadap penggunaan *Fiqhoria* sebagai platform pembelajaran digital, menandakan kesesuaian pendekatan ini dengan pola pembelajaran generasi semasa yang lebih memberi responsif terhadap teknologi, visual dan pembelajaran interaktif. Sokongan ibu bapa amatlah penting untuk memperkukuh kedudukan rumah sebagai ekosistem pembelajaran yang signifikan selari dengan teori *Situated Learning Theory* yang menekankan bahawa pembelajaran berkesan berlaku melalui interaksi sosial dalam komuniti yang lebih luas, bukan terbatas pada bilik darjah sahaja (Jean Lave & Etienne Wenger, 1991). Peningkatan keyakinan akademik anak yang diakui ibu bapa juga konsisten dengan *Self-Efficacy Theory*, di mana pengalaman kejayaan kecil melalui aktiviti digital seperti latihan sendiri, kuiz interaktif dan demonstrasi visual mampu memupuk kepercayaan diri pelajar (Bandura, 1997). Fenomena ini turut disokong oleh kajian Melayu yang membuktikan bahawa kaedah digital interaktif dalam Pendidikan Islam meningkatkan motivasi dan kepercayaan pelajar menguasai konsep abstrak (Mohd Maziz et al., 2021).

Di samping itu, dapatan ini dirangka dalam konteks realiti pendidikan Malaysia, di mana ibu bapa berdepan cabaran seperti kekangan masa, kekurangan sumber pengukuhan berkualiti dan kebergantungan kepada kelas tuisyen agama yang tidak dapat diakses oleh semua keluarga. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa ibu bapa memerlukan pendekatan pembelajaran agama yang lebih fleksibel, mudah diakses dan mampu menyokong pembelajaran di rumah tanpa bergantung sepenuhnya kepada guru atau kelas tambahan (Norhayati et al., 2024). Kajian tersebut turut mendapati bahawa model pembelajaran berasaskan teknologi dapat membantu meringankan beban ibu bapa serta meningkatkan keberkesanan pengukuhan pembelajaran anak melalui sumber digital yang terancang dan mesra pengguna. Secara keseluruhannya, dapatan ibu bapa mengesahkan bahawa *Fiqhoria* bukan sahaja memudahkan penguasaan Fiqah secara sendiri tetapi juga memperkukuh penglibatan keluarga dan memperluas ruang pembelajaran daripada bilik darjah ke ekosistem rumah. Gabungan asas teori, penyertaan aktif keluarga dan reka bentuk digital yang terarah kurikulum mengukuhkan kedudukan *Fiqhoria* sebagai model pembelajaran Islam digital yang mampan dan berskala serta relevan dengan tuntutan pedagogi global masa kini.

Kesimpulan

Laman Web *Fiqhoria* berfungsi sebagai platform digital interaktif yang berkesan dalam meningkatkan kualiti PdP Pendidikan Islam, khususnya bagi topik Fiqah melalui pendekatan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL). Pelaksanaan analisis pra dan pasca ujian yang melibatkan seramai 120 orang pelajar menunjukkan peningkatan penguasaan kandungan yang signifikan. Peningkatan ini dibuktikan melalui skor min yang meningkat secara menyeluruh serta penghapusan jurang pencapaian skor rendah dalam ujian pasca sekali gus membuktikan impak pedagogi positif penggunaan *Fiqhoria*. Selain daripada keberkesanan platform, dapatan ini memberikan sumbangan pedagogi yang penting menerusi transformasi kaedah pengajaran agama daripada bersifat konvensional kepada model "*Digital Spiritual Literacy*" yang mengutamakan autonomi pelajar serta penglibatan aktif keluarga dalam ekosistem digital. Dapatan kajian turut disokong oleh persepsi positif daripada pelajar, guru dan ibu bapa, di mana guru mengesahkan *Fiqhoria* sebagai medium pembelajaran sendiri yang efektif manakala ibu

bapa bersetuju bahawa platform ini memudahkan proses pembelajaran di rumah secara lebih sistematik dan kolaboratif.

Secara keseluruhannya, dapatan ini memberikan implikasi penting terhadap dasar pendidikan dengan membuktikan keperluan integrasi inovasi digital tempatan ke dalam repositori bahan pengajaran nasional selari dengan aspirasi Dasar Pendidikan Digital KPM. Berdasarkan dapatan tersebut, kajian ini mencadangkan agar latihan profesional guru diperkukuhkan khususnya dalam aspek pedagogi digital dan kemahiran menganalisis data pembelajaran murid melalui analitik pembelajaran bagi memantau perkembangan pelajar secara lebih objektif. Pihak kerajaan juga disarankan untuk meningkatkan lagi pelaburan dalam infrastruktur digital sebagai langkah dasar bagi menjamin akses pembelajaran yang adil dan saksama kepada semua pelajar termasuk di kawasan luar bandar. Akhir sekali, bagi memperluas sumbangan ilmiah kajian ini, penyelidikan lanjutan dicadangkan menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen dua kumpulan bagi membolehkan perbandingan yang lebih mantap antara intervensi pembelajaran digital dan kaedah pengajaran tradisional. Kajian seterusnya juga boleh menilai perkembangan literasi digital kerohanian pelajar dengan meneliti aspek nilai, adab serta pengamalan agama hasil interaksi digital dengan kandungan Fiqah secara lebih mendalam.

Penghargaan: Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, penyelidikan ini dapat disiapkan dengan jayanya. Sehubungan dengan itu, setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Pusat Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin atas sokongan, kemudahan serta peluang yang diberikan dalam menjayakan projek penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak pengurusan, guru dan pelajar di empat buah sekolah yang terlibat sebagai subjek kajian iaitu SMK Bukit Tunggul, SMK Kompleks Gong Badak, SMK Ibrahim Fikri dan SMA Persekutuan Kajang atas kesediaan, komitmen serta kerjasama yang amat dihargai. Akhir kata, penghargaan turut ditujukan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, bantuan dan kerjasama sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sesungguhnya, segala sumbangan yang dihulurkan merupakan pemangkin utama kepada kejayaan dan kesempurnaan penyelidikan ini.

Penyataan Pembiayaan: Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.

Pernyataan Konflik Kepentingan: Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Modern Education (IJMOE).

Pernyataan Etika: Kajian ini telah dijalankan dengan kebenaran rasmi daripada pihak sekolah yang terlibat bagi pelaksanaan ujian pra dan ujian pasca ke atas pelajar. Pelaksanaan kajian adalah selaras dengan amalan penyelidikan pendidikan dan tidak melibatkan sebarang prosedur

yang berisiko atau pengumpulan data sensitif. Soal selidik turut digunakan sebagai instrumen sokongan bagi mendapatkan maklum balas berkaitan kebolegunaan dan keberkesanan Laman Web Fiqhoria. Penyertaan responden adalah secara sukarela dan semua data dikumpulkan tanpa merekodkan identiti peribadi responden. Data yang diperoleh digunakan semata-mata bagi tujuan akademik dan penyelidikan, dengan penekanan terhadap aspek kerahsiaan, anonimitas serta integriti penyelidikan.

**Pernyataan
Sumbangan Penulis:**

Semua penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Penulis 1, Penulis 6 dan Penulis 7 bertanggungjawab dalam pengumpulan data, analisis data serta tafsiran dapatan kajian. Penulis 3 bertanggungjawab terhadap perkonsepkan kajian, metodologi penyelidikan serta penyediaan bahagian kesimpulan. Penulis 4 dan Penulis 5 pula bertanggungjawab dalam penyediaan bahagian pengenalan penulisan dan sorotan literatur. Manakala Penulis 2 bertanggungjawab terhadap penyeliaan keseluruhan kajian serta semakan kritikal manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan untuk penerbitan.

Rujukan

- Baharuddin Aris, Rio Sumarni Shariffudin & Manimegalai Subramaniam. (2002). *Reka Bentuk Perisian Multimedia*. Skudai, Johor: UTM.
- Bandura, A. (1997). *Self-Efficacy: Toward a Unifying Theory of Behavioral Change Psychological Review*, 84, 191-215. <https://doi.org/10.1037//0033-295x.84.2.191>.
- Branch, R. M. (2009). *Instructional Design: The ADDIE Approach*. Springer.
- Che Soh Said, Irfan Naufal Umar, Balakrishnan Muniandy & Shakinaz Desa. (2015). Aplikasi Teknologi Multimedia dalam Pembelajaran Sains Biologi: Kesan Terhadap Pelajar Berbeza Tahap Keupayaan Spatial. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*, 2(1), 15-25. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JICTIE/article/view/2597>.
- Garrett, J. J. (2011). *The Elements of User Experience: User-Centered Design for the Web and Beyond (2nd Ed.)*. New Riders.
- Gomaa, H. (2011). *Software Modeling & Design: UML, Use Cases, Patterns & Software Architectures*. Cambridge University Press.
- Ismul Huda. (2016). *Kesan Kaedah Koperatif Bersama Persekitaran Pembelajaran Atas Talian Asinkroni Terhadap Kemahiran Penaakulan Saintifik, Prestasi Pembelajaran dan Penglibatan Pelajar*. PhD thesis, Universiti Sains Malaysia.
- Kitikedizah Hambali & Maimun Aqsha Lubis. (2022). Kepentingan Gamifikasi dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 5(1), 58–64. <https://spaj.ukm.my/acerj/index.php/acer-j/article/view/96/90>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Dasar Pendidikan Digital*. Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan.
- Lave, J. & Wenger, E. (1991). *Situated Learning: Legitimate Peripheral Participation*. Cambridge: Cambridge University. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511815355>.
- Mohd Hatta Md Hani, Affero Ismail, Muhammad Fazrulhelmi Ahmad, Sam Faheeda Abdul Samad, Zawawi Mohamad & Anwar Hafidzi. (2025). Kertas Konsep Pembangunan Model Kompetensi Digital Pendidik TVET ke Arah Transformasi Digital. *Multidisciplinary Applied Research and Innovation*, 6(1), 54-65. <https://doi.org/10.30880/mari.2025.06.01.009>.
- Mohd Maziz Al-Hadi Moharam, Saifulazry Mokhtar & Kasoma Thia. (2021). “Pendekatan Kaedah Interaktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Abad ke-21 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kinabalu”. 5th International Confrence on Teacher Learning and Development (ICTLD) pada 03-05 Ogos 2021. <https://eprints.ums.edu.my/id/eprint/33099>.
- Muhammad Amirul Amin Mohamad Nazim (2024). *Amalan Guru Pendidikan Islam dalam Strategi Pembelajaran Berpusatkan Pelajar Fikah Solat di Sekolah Menengah*. Unpublished Thesis. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- Norhayati Che Hat, Zaharah Hussin, Norasyikin Osman, Siti Halwa Mohd Noor, Nurazan Mohmad Rouyan & Wan Nur Izzati Hazwani Kashfi. (2024). Analisis Keperluan Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Secara Pendekatan HOMESCHOOLING untuk Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Afak Lughawiyah*, 2(2), 298-319. <https://journal.unisza.edu.my/afaq/index.php/afaqlughawiyyah/article/view/122>.
- Norliza Ab Halim, Wan Omar Ali Saifuddin Wan Ismail, Bazuri Ab Ghani, Wan Farah Wani Wan Fakhrudin & Sharizal Ahmad Sobri. (2025). *Technological Pedagogical Islamic*

- Content: A Systematic Literature Study. *UMRAN–International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 12(2), 99–111. <https://doi.org/10.11113/umran2025.12n2.756>.
- Nur Faizahon, Nur Azimah Mohd Bukhari & Wong Seng Yue. (2023). Penggunaan Teknologi Multimedia Terhadap Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Sistem Pendidikan di Malaysia. *Isu dalam Pendidikan*, 46(1), 44-57.
- Nur Fatin Syamimi Che Ibarahim, Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Mohd Ra'in Shaari & Kesavan Nallaluthan. (2021). Persepsi Pelajar Terhadap Aplikasi Interaktif dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21. *Online Journal for TVET Practitioners*, 6(1), 15-24. <https://doi.org/10.30880/ojtp.2021.06.01.003>.
- Nurul Syadiah Khairuddin & Ramlah Mailok. (2020). Pembelajaran Berasaskan Permainan dalam Mata Pelajaran Sejarah Menggunakan Teknik Mnemonik. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*, 7(1), 9-15. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JICTIE/index>.
- Pallant, J. (2020). *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using IBM SPSS (7th ed.)*. Routledge.
- Rafiza Abdul Razak & Maryam Abdul Rahman. (2013). Pembinaan Media Pengajaran Berasaskan Multimedia di Kalangan Guru ICTL. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(2), 20-31.
- Rohana Mohd Nawawi, Muriyah Abdullah & Mohd Afifi Bahurudin Setambah. (2024). Pengajaran dan Pembelajaran Kontekstual dalam Bidang Usul al-Fiqh bagi Mata Pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah di Malaysia: Satu Sorotan Pendekatan Pengajaran. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 8(2), 120-132. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v8i2.245>.
- Sharul Azim Sharudin, Normah Mustaffa & Shahrul Nazmi Sanusi. (2020). Peranan Infografik dalam Meningkatkan Kesedaran Kesihatan Belia daripada Perspektif Pereka Grafik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(1), 356-368. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2020-3601-20>.
- Suhaida Mohd Sukis, Syamsul Azizul Marinsah & Abd Hadi Borham. (2023). Amalan Pentaksiran Alternatif Digital Guru Pendidikan Islam (GPI) di Sekolah Kebangsaan. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 7(1), 44-57. <https://doi.org/10.17576/jpen-2020-45.02->.
- Yang, D., Chen, P., Wang, K., Li, Z., Zhang, C., & Huang, R. (2023). Parental Involvement and Student Engagement: A Review of the Literature. *Sustainability*, 15(7), 1-17. <https://doi.org/10.3390/su15075859>.
- Yiqing Mao. (2023). Issue and Strategies in Inquiry-Based Learning Evaluation. *Open Journal of Social Sciences*, 4(11), 422-440. <https://doi.org/10.4236/jss.2023.114030>.
- Yi Yi Lau, Abdul Razak Ahmad, Mohd Mazhab Awang & Norasmah Othman. (2020). Kandungan Buku Teks Sejarah dan Hubungannya dengan Pengetahuan Pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(2), 59-67. <http://www.ukm.my/personalia/publication-category/volume-23-number-2-december-2020/>.
- Yusniza Yusof, Lee Ming Foong & Lai Chee Sern. (2016). Integrasi Konsep dan Teori Beban Kognitif dalam Pendidikan Kejuruteraan di Malaysia: Satu Kajian Literatur. *Journal of Society and Space*, 12(3), 46-57. <http://www.ukm.my/geografia/v2/index.php?cont=a&item=2&thn=2016&vol=12&issue=3&ver=loc>.
- Zur'ain Zaini & Khadijah Abdul Razak. (2022). Minat dan Motivasi Murid Terhadap Penggunaan Aplikasi Interaktif dalam Pendidikan Islam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), 1-11. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1372>.

Lampiran

Bahan Sokongan: Laman Web Fiqhoria



Sumber: <https://www.fiqhoria.com/fiqhoria/>



Sumber: SMK Bukit Tunggal



Sumber: SMK Ibrahim Fikri



Sumber: SMK Kompleks Gong Badak



Sumber: SMA Persekutuan Kajang
(SMAPK)

Sumber: Surat Kelulusan Menjalankan Uji Kaji (Ujian Pra & Ujian Pasca) di Sekolah

Nur Balqis Damia Binti Nazri
Mahasiswa (jazah Sarjana Muda Pendidikan
(Pendidikan Islam) dengan Kepujian
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus,
Terengganu Darul Iman.

Melalui,

Dr Wan Omar Ali Saifuddin bin Wan Ismail,
Pensyarah Pendidikan,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus,
Terengganu Darul Iman.

Kepada,

Pengetua,
Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang (SMAPK),
Batu 13, Jalan Cheras,
43000 Kajang, Selangor

Tuan / Puan,

**MEMOHON KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN UJI KAJI / TINJAUAN
SECARA BERSEMUKA (F2F) BERSAMA PELAJAR TINGKATAN 1 ATAU 2**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Demaklumkan bahawa saya dan rakan penyedek dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UnISA) ingin menjalankan satu uji kaji / tinjauan secara bersemuka (F2F) terhadap pelajar tingkatan 1 atau tingkatan 2 bagi tujuan pengumpulan data kajian jurnal kami.

3. Untuk makluman pihak tuan/puan, nama sekolah dan data pelajar yang terlibat akan dimasukkan di dalam jurnal sebagai rujukan. Jurnal ini akan melalui proses certificate dan publication sebagai sebahagian daripada penyertaan dalam 9th International Conference on Education, Business, Islamic and Technology 2025 (9th ICEBIT 2025).

4. Maklumat ringkas uji kaji bahan bantu mengajar yang dicadangkan adalah seperti berikut:


Nur Balqis Damia Binti Nazri
Mahasiswa (jazah Sarjana Muda Pendidikan
(Pendidikan Islam) dengan Kepujian
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus,
Terengganu Darul Iman.

Tarikh: 25 November 2025 (Selasa)

Masa: 9.00 am hingga 11.00 am

Tempat: Makmal Komputer (SMAPK)

Kaedah: Tinjauan / soal selidik secara bersemuka

Guru: Nur Fathiah Binti Ahmad

Sasaran: Pelajar Tingkatan 1 atau Tingkatan 2

Bilangan Peserta: 30 pelajar

5. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mendapatkan dapatan tepat daripada pelajar melalui kaedah F2F, seterusnya menyokong hasil analisis dan penerbitan jurnal kami. Semua data adalah dihasiaskan mengikut etika penyelidikan.

6. Sehubungan itu, pihak kami amat berharap agar pihak tuan/puan dapat memberikan kelulusan untuk melaksanakan kajian ini di sekolah tuan/puan.

Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan/puan amat kami hargai dan diidatifikasi dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



(Nur Balqis Damia Binti Nazri)

Mahasiswa (jazah Sarjana Muda Pendidikan
(Pendidikan Islam) dengan Kepujian
Universiti Sultan Zainal Abidin
No. Tel: 011-39608750

Nur Balqis Damia Binti Nazri,
Mahasiswa (jazah Sarjana Muda Pendidikan
(Pendidikan Islam) dengan Kepujian UnISA,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, Gong Badak
21300 Kuala Nerus,
Terengganu Darul Iman, Malaysia

Melalui,

Dr Wan Omar Ali Saifuddin bin Wan Ismail,
Pensyarah Pendidikan,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus,
Terengganu Darul Iman, Malaysia

Kepada,

Pengetua,
Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Pakir,
Kg Bukit Tok Beng, Jalan Gong Badak,
21300 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman, Malaysia

Tuan/Puan,

**MEMOHON KELULUSAN UNTUK MENJADAKAN UJI KAJI BAHAN BANTU MENGAJAR
KEPADA PELAJAR SEKOLAH**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, kami pelajar Mahasiswa UnISA daripada (jazah Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan kepujian ingin melakukan uji kaji ke atas produk Bahan Bantu Mengajar kami kepada 30 orang pelajar sekolah menengah tingkatan 1.

Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : 17 November 2025 (Isnin)

Masa : 8.00 pagi - 12.30 tengahari

Tempat : SMK Komplek Gong Badak


Peserta : 30 org

3. Tujuan uji kaji ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap keberkesanan hasil produk bahan bantu mengajar serta kefahaman yang akan diperolehi oleh pelajar melalui produk inovasi ini. Saya yakin produk ini juga boleh memberi manfaat kepada para pelajar untuk berkesan dalam pembelajaran demi mencapai kejayaan dalam dunia pekerjaan pada masa depan.

4. Sehubungan dengan itu, pihak kami amat berharap agar pihak tuan/puan memberi kelulusan bagi menjalankan uji kaji kami ini. Segala kerjasama yang diberikan oleh pihak tuan/puan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



(Nur Balqis Damia Binti Nazri)

Mahasiswa (jazah Sarjana Muda Pendidikan
(Pendidikan Islam) dengan Kepujian,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
No tel : 011-39608750

Sumber: Surat Kelulusan Menjalankan Uji Kaji (Ujian Pra & Ujian Pasca) di Sekolah

Nur Bakis Dania Binti Nazri,
Mahasiswa (Jazah Sarjana Muda Pendidikan
(Pendidikan Islam) dengan kepujian UnISZA,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, Gong Badak
21300 Kuala Nerus,
Terengganu Darul Iman, Malaysia

Melalui,

Dr Wan Omar Ali Saifuddin bin Wan Ismail,
Pensyarah Pendidikan,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus,
Terengganu Darul Iman, Malaysia

Kepada,

Pengurus,
Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri,
Kg Bukit Tok Beng, Jalan Gong Badak,
21300 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman, Malaysia

Tuan/Puan,

MEMOHON KELULUSAN UNTUK MENGADAKAN UJI KAJI BAHAN BANTU MENGAJAR KEPADA PELAJAR SEKOLAH

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, kami pelajar Mahasiswa UnISZA daripada (Jazah Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan kepujian ingin melakukan uji kaji ke atas produk Bahan Bantu Mengajar kami kepada 30 orang pelajar sekolah menengah tingkatan 1.

Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : 17 November 2025 (Isnin)
Masa : 8.00 pagi - 12.30 tengahari
Tempat : SMK Kompleks Gong Badak
Peserta : 30 org

3. Tujuan uji kaji ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap keberkesanan hasil produk bahan bantu mengajar serta kefahaman yang akan diperoleh oleh pelajar melalui produk inovasi ini. Saya yakin produk ini juga boleh memberi manfaat kepada para pelajar untuk berusaha dalam pembelajaran demi mencapai kejayaan dalam dunia pekerjaan pada masa depan.

4. Sekelompok dengan itu, pihak kami amat berharap agar pihak tuan/puan memberi kelulusan bagi menjayakan uji kaji kami ini. Segala kerjasama yang diberikan oleh pihak tuan/puan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang Berbah,



(Nur Bakis Dania Binti Nazri)

Mahasiswa (Jazah Sarjana Muda Pendidikan
(Pendidikan Islam) dengan kepujian,
Universiti Sultan Zainal Abidin.
No tel : 011-39608750

Nur Bakis Dania Binti Nazri,
Mahasiswa (Jazah Sarjana Muda Pendidikan
(Pendidikan Islam) dengan kepujian UnISZA,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, Gong Badak
21300 Kuala Nerus,
Terengganu Darul Iman, Malaysia

Melalui,

Dr Wan Omar Ali Saifuddin bin Wan Ismail,
Pensyarah Pendidikan,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus,
Terengganu Darul Iman, Malaysia

Kepada,

Pengurus,
Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri,
Kg Bukit Tok Beng,
21300 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman, Malaysia

Tuan/Puan,

MEMOHON KELULUSAN UNTUK MENGADAKAN UJI KAJI BAHAN BANTU MENGAJAR KEPADA PELAJAR SEKOLAH

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, kami pelajar Mahasiswa UnISZA daripada (Jazah Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan kepujian ingin melakukan uji kaji ke atas produk Bahan Bantu Mengajar kami kepada 30 orang pelajar sekolah menengah tingkatan 1.

Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : 17 November 2025 (Isnin)

Nur Bakis Dania Binti Nazri,
Mahasiswa (Jazah Sarjana Muda Pendidikan
(Pendidikan Islam) dengan kepujian UnISZA,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak, Gong Badak
21300 Kuala Nerus,
Terengganu Darul Iman, Malaysia

Melalui,

Dr Wan Omar Ali Saifuddin bin Wan Ismail,
Pensyarah Pendidikan,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Nerus,
Terengganu Darul Iman, Malaysia

Kepada,

Pengurus,
Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri,
Kg Bukit Tok Beng,
21300 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman, Malaysia

Tuan/Puan,

MEMOHON KELULUSAN UNTUK MENGADAKAN UJI KAJI BAHAN BANTU MENGAJAR KEPADA PELAJAR SEKOLAH

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, kami pelajar Mahasiswa UnISZA daripada (Jazah Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan kepujian ingin melakukan uji kaji ke atas produk Bahan Bantu Mengajar kami kepada 30 orang pelajar sekolah menengah tingkatan 1.

Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : 17 November 2025 (Isnin)